

PM pemimpin berwibawa: Zahir



BH 23 APR 2002

Oleh Idzham Hadi Sidik

MELAKA, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah pemimpin berwibawa yang mempunyai cita-cita dan minda yang mampu menegakkan jurang waktu, kata Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohd Zahir Ismail.

Beliau berkata, sebagai contoh, permasalahan bangsa Melayu banyak difikir dan diutarakan Dr

Mahathir memastikan Melayu terus maju serta mempunyai masa depan cemerlang.

Katanya, pemikiran Dr Mahathir terhadap bangsa Melayu adalah untuk memastikan Melayu terus maju dan mempunyai hala tuju yang baik untuk mencapai kecemerlangan.

“Mengikut pemikiran Dr Mahathir, bangsa Melayu

perlu berdisiplin dan ingin belajar serta menuntut ilmu sehingga mereka boleh menguasai pelbagai ilmu.

“Dr Mahathir begitu yakin bahawa Melayu boleh melakukan apa saja di zaman moden ini termasuk penguasaan dalam bidang teknologi maklumat (IT),” katanya ketika merasmikan Kolokium Pemikiran Dr Mahathir di Hotel Golden Legacy di sini, hari ini.

Sementara itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Ali Rustam berkata, kecemerlangan Malaysia yang diterajui Dr Mahathir perlu diberi perhatian termasuk parti pembangkang.

“Kejayaan yang dicapai sejak beliau dilantik sebagai pemimpin nombor satu negara ini diiktiraf kuasa besar dunia serta negara Islam.

“Malah banyak negara Islam kini mengiktiraf Ma-

laysia sebagai sebuah negara Islam yang berjaya tidak seperti parti pembangkang yang masih mempertikaikan mengenai status negara ini sebagai negara Islam,” katanya.

Mohd Ali berkata, dalam era globalisasi dan liberalisasi, pembangkang masih melihat idea dan pemikiran Dr Mahathir mengenai Islam bercanggah dengan pendapat pemimpin tertinggi parti mereka.

“Kejayaan Malaysia menangani krisis ekonomi pada 1997 juga membuktikan kepada dunia Dr Mahathir bukan calang-calang pemimpin,” katanya.

Mohd Ali berkata, kejayaan menangani krisis ekonomi menyebabkan beberapa pemimpin negara luar meminta nasihat Dr Mahathir menyelesaikan masalah dalaman di negara masing-masing.